

AMALAN SULUK DALAM TAREKAT NAQSHABANDIAH KHALIDIAH DI MALAYSIA

THE PRACTICE OF SULUK IN THE NAQSHABANDIAH KHALIDIYAH ORDER IN MALAYSIA

Ahmad Bakhtiar Jelani^{1*}
Muhammad Yusri Yusuf @ Salleh²
Hamdi Rahman Mohd Yaakob³
Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin⁴
Wan Kamal Nadzif Wan Jamil⁵

¹Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Tapah Campus, Malaysia.
(E-mail: ahmadbakhtiar@uitm.edu.my)

²Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.
(Email: yusri613@uitm.edu.my)

³Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.
(Email: hamdi105@uitm.edu.my)

⁴Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.
(Email: mohdz560@uitm.edu.my)

⁵Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.
(Email: wanka238@uitm.edu.my)

*Corresponding author: ahmadbakhtiar@uitm.edu.my

Article history

Received date : 9-6-2025
Revised date : 10-6-2025
Accepted date : 25-7-2025
Published date : 29-7-2025

To cite this document:

Jelani, A. B., Yusuf @ Salleh, M. Y., Mohd Yaakob, H. R., Zainal Abidin, M. Z. H., & Wan Jamil, W. K. N. (2025). Amalan suluk dalam tarekat Naqshabandiah Khalidiah di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 710 - 723.

Abstrak: *Suluk merupakan amalan khusus bagi pengamal tarekat tasawuf. Selama bersuluk, amalan utama seorang salik adalah berzikir dalam tempoh masa yang ditentukan. Amalan ini dapat dilaksanakan dengan bimbingan khusus dari seorang guru bertaraf mursyid. Tempoh perlaksanaan ibadah suluk ini samada 10, 30 atau 40 hari. Amalan suluk ini dilaksanakan di lokasi khas yang telah ditetapkan oleh mursyid. Tradisi ibadah yang terkenal dalam kalangan pengikut tarekat Naqshabandi ini telah berlangsung sebanyak 80 kali. Semua salik wajib berbai'ah dan menghadiri majlis tawajjuh sekurang kurangnya 3 kali. Di Malaysia amalan ini masih kekal bertahan di kalangan tarekat tertentu dan selagi guru mursyid masih memimpin tarekat tersebut. Artikel ini akan memfokuskan kajian terhadap literatur sedia ada daripada jurnal-jurnal elektronik, kitab berbahasa Arab dan melayu serta yang menjadi rujukan asas kepada pengamal Tarekat Naqsyabandiah iaitu Tanwir al-Qulub. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini akan menggabungkan kajian kepustakaan dan lapangan yang berasaskan metode temu bual dan pemerhatian. Temu bual dijalankan terhadap 5 khalifah dalam Tarekat Naqshabandiah Khalidiah dan pemerhatian akan dijalankan di Majlis Suluk Yang ke 78 & 79 Naqsyabandiah Khalidiah pimpinan Tuan Guru Dr. Jahid Sidek di Institut Latihan Tasawuf dan Tarekat al-Manarah, Negeri Sembilan. Data kualitatif yang dikumpulkan dianalisis kandungannya secara tematik bagi merumuskan dapatan berkaitan kajian. Hasil dapatan*

kajian ialah tradisi suluk ini sangat bermanfaat bagi pengamal tarekat kerana dapat melatih diri untuk terus sentiasa berzikir pada Allah SWT dan mengekalkan tradisi suhba bersama guru mursyid yang boleh membimbing rohani pengamal tarikat dalam mengenal Allah SWT.

Kata kunci: *Suluk, Tarekat, Naqsyabandiah, Khalidiah*

Abstract: *The practice of suluk is a dedicated spiritual retreat observed by adherents of Sufi orders, notably the Naqshbandi-Khalidiyya order in Malaysia. During suluk, practitioners, known as salik, engage in continuous dhikr (remembrance of God) over a specified period typically 10, 30, or 40 days under the guidance of a qualified spiritual teacher (mursyid). These retreats are conducted in designated locations determined by the mursyid. In Malaysia, this tradition remains vibrant within certain Sufi communities, particularly as long as the mursyid continues to lead the order. For instance, the Naqshbandi-Khalidiyya order has held 80 such suluk sessions, with participants required to pledge allegiance (bai'ah) and attend at least three tawajjuh gatherings. A foundational text for practitioners is Tanwir al-Qulub by Shaykh Muhammad Amin al-Kurdi. This work delves into Islamic theology (aqidah), jurisprudence (fiqh), and Sufism (tasawwuf), emphasizing the significance of both verbal and silent dhikr as pathways to spiritual purification and closeness to God. Research into these practices often combines literature reviews with field studies, including interviews with key figures and observations of suluk sessions. Such studies have highlighted the enduring relevance of suluk in fostering spiritual discipline and maintaining the tradition of companionship (suhbah) with a mursyid, which is central to the Naqshbandi path.*

Keywords: *Suluk, Tarekat, Naqshabandiah, Khalidiah, Malaysia*

Pengenalan

Suluk dinamakan juga dengan nama uzlah atau *khalwah*. Amalan yang masyhur diamalkan para Nabi dan Rasul. Ibadah khusus ini dijelaskan dalam al-Quran dan juga hadis serta diamalkan oleh kumpulan tarekat tasawuf. Ayat al-Quran dan hadis tersebut ditafsirkan oleh para *mufasssin* dan ulama tasawuf sebagai amalan uzlah dan *khalwah*. Dan ia hanya diamalkan oleh para nabi dan pada zaman tersebut. Walaupun uzlah dan *khalwah* ini telah disebut di dalam al-Quran dan hadis, namun ia tidak menjadi satu ibadah umum yang mudah dilaksanakan oleh sesiapa sahaja. Ini kerana suluk ini merupakan amalan yang memerlukan bimbingan khusus dari seseorang guru yang bertaraf mursyid/khalifah dalam ilmu tasawuf dalam satu-satu mazhab tarekat.

Dalam melaksanakan tuntutan suluk ini, seorang guru bertaraf mursyid amat diperlukan agar dapat memimpin ibadah suluk di surau suluk. Salah satu tarekat tasawuf yang diketahui menganjurkan amalan suluk ini adalah tarekat Naqshabandiah Khalidiah (Bruinessan, 1994). Tarekat ini dalam sejarahnya mula berkembang di Kepulauan Melayu pada abad ke akhir abad ke 18 (Said, 1976). Bermula dari saat itu, Islam terus berkembang di seluruh wilayah kepulauan melayu apabila diterima oleh semua golongan masyarakat samada pemerintah mahupun rakyat.

Setelah kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia terus menikmati perkembangan Islam yang konsisten dalam berbagai bidang, sistem pendidikan samada tradisional dan moden masing-masing telah membina pengaruh yang mendalam dalam melahirkan tokoh agama dan umat yang mapan. Manakala, dalam hal ehwal pentadbiran, berbagai institusi Islam telah ditubuhkan bagi memperkasakan berbagai urusan Islam. Dalam bidang tasawuf pula, ia terus berkembang

bersama amalan zikir mereka yang khusus serta ketokohan mursyid yang memimpin satu-satu aliran tarekat. Tarekat Naqshabandiah Khalidiah di bawah pimpinan Sheikh Dr Jahid telah berjaya mempertahankan kelestarian ibadah suluk dan amalan zikir hingga ke hari ini (Merbawi, 2012) Sebagai mursyid tarekat yang ke 37, Sheikh Dr Jahid Sidek al-Khalidi telah berhasil memimpin ibadah suluk sebanyak 81 kali penganjuran. Bilangan penganjuran ibadah suluk sebanyak ini merupakan penanda aras keberkesanan tarekat tasawuf untuk membimbing jiwa insan menuju kebahagiaan yang hakiki. Bimbingan kerohanian umat memang merupakan satu hal sukar untuk dilaksanakan ketika dunia Islam perlu mengejar kehidupan bertaraf tamadun ber peradaban. Tidak seperti amalan keimanan yang dapat dipimpin dengan adanya institusi pendidikan samada di peringkat rendah mahupun tinggi.

Terdapat beberapa aliran tarekat tasawuf yang diiktiraf oleh JAKIM dan Majlis Agama yang bernaung di bawah Sultan dinegeri-negeri yang tidak lagi menganjurkan ibadah suluk kepada ahlinya. Beberapa faktor dikenal pasti berlakunya keadaan tersebut, antaranya adalah pengganti mursyid tarekat tersebut tidak bersungguh untuk beramal amalan zikir *maqam* harian atau mingguan (majlis *tawajjuh*) yang pernah ia amalkan selama ini. Selain itu, tahap pendidikan agama yang formal juga membawa kesan terhadap kewibawaan peribadi mursyid tersebut. Tiada penganjuran *tawajjuh* mingguan dianggap faktor penting utama yang membawa tiadanya penganjuran amalan suluk yang wajib dilaksanakan sekurang-kurangnya 3 kali setahun. Kesemua faktor-faktor ini merupakan faktor dalaman yang tidak melibatkan sama sekali faktor luaran seperti halangan, gangguan dari pihak pemerintah dan penduduk setempat.

Terminologi Suluk, Uzhlah dan Khalwah

Suluk, uzlah dan *khalwah* merupakan tiga nama yang memiliki persamaan dari segi terminologi dan juga amalan. Sesetengah ahli sufi turut menambah beberapa lafaz kata seperti *arba'inniyah* dan *iktikaf* (Najaa, 2024). Lafaz kata “bersendirian/bersunyian” ini boleh dianggap sebagai intipati maksud yang sama dari kelima lima istilah tersebut. Hanya pelaksanaan sahaja yang mungkin ada sedikit perbezaan antara satu sama lain. Namun lafaz kata berbahasa melayu “bersendirian” tidak pernah diguna pakai sebagai penjelasan amalan suluk dalam tasawuf dan tarekat secara teori mahupun praktikalnya. Ada kalanya istilah-istilah asal dalam bahasa Arab ini perlu dikekalkan demi memelihara keutuhan nilai dan roh pada amalan yang hendak dijelaskan dalam ibadah tersebut. Suluk, uzlah dan *khalwah* ini meskipun berbahasa Arab, namun ia sudah difahami dengan begitu lama oleh masyarakat muslim di Malaysia. Bagi pengamal tarekat, istilah suluk telah menjadi istilah yang lebih dekat dan difahami keseluruhan maksud dan tujuan berbanding istilah lain.

Khalwah dan beruzlah dalam amalan tarekat bermaksud seorang *salik* bersendirian serta mengasingkan dirinya dari manusia sambil melakukan amalan zikir. Sheikh Jurjani, menjelaskan bahawa *khalwah* bermaksud pengasingan diri dari orang ramai di tempat yang sunyi untuk beribadah dan bertafakur dengan ciptaan Allah SWT tanpa diketahui oleh mana-mana makhluk (Jurjani, 1983). Manakala Ibn Ajibah menjelaskan berdasarkan prinsip-prinsip tasawuf, *khalwah* merujuk kepada amalan penyendirian diri dari makhluk agar berhasil mendekatkan diri kepada Allah melalui zikir dan muhasabah diri. Menurut beliau lagi, tanpa pengasingan diri, seseorang itu tidak akan berhasil untuk mengubah jiwanya untuk meningkatkan kesedaran rohani ke peringkat yang lebih tinggi (Ibn Ajibah, 2001; A'toa 2024). Sheikh Najm al-Din Kubra dalam risalahnya berjudul *Fawā'ih al-Jamāl wa-Fawātih al-Jalāl* (wangian keindahan dan pembuka keagungan), menyebutkan *khalwah* merupakan pintu kepada pembukaan rohani (*futuh*) kepada Allah, dan sesiapa yang tidak menyendiri (berzikir) daripada makhluk, maka Allah tidak akan membuka hatinya kepada *al-Haqq*. Oleh itu *khalwah* dalam

tasawuf menjadi satu amalan yang penting para nabi dan rasul. Beliau menyatakan *khalwah* dikenali juga dengan istilah '*uzla, wahda, infirād, dan inqitā*', yang semuanya merujuk kepada amalan menyendiri dalam sebuah tempat khusus untuk tujuan ibadah dan tafakur. Beliau menegaskan bahawa *khalwah* bukan sekadar pengasingan fizikal dari masyarakat (*khalwah* zahir), tetapi lebih kepada proses pengasingan jiwa dan rohani dari kenikmatan dunia (*khalwah* batin).

Amalan ini bertujuan untuk mengasingkan diri daripada gangguan dunia luar bagi mencapai ketenangan batin, memusatkan perhatian kepada zikir dan tafakur, serta mengembangkan potensi rohani melalui pengalaman batin yang mendalam, yang dapat membawa kepada kecerahan spiritual. Najm al-Dīn Kubrā juga mengaitkan *khalwah* dengan konsep "*khalwat dar anjuman*", iaitu berada secara *lahiriah* di tengah-tengah masyarakat, tetapi secara *batiniah* tetap bersama Allah. Ini menunjukkan bahawa seseorang dapat mencapai keadaan *khalwah* walaupun tidak secara fizikal menyendiri, asalkan hatinya tetap terhubung dengan Allah melalui amalan *khalwah*, beliau percaya bahawa seorang *salik* dapat mengalami pengalaman rohani yang mendalam, termasuk penglihatan cahaya batin dan pencerahan spiritual, yang merupakan tanda-tanda kemajuan dalam perjalanan rohani seseorang (Bowering, 2006).

Bersendirian ini bertujuan memutuskan hubungan komunikasi dengan makhluk, dan menggantikannya dengan amalan berzikir sepanjang masa tanpa henti dalam tempoh masa yang tertentu. Ini merupakan satu-satunya disiplin khusus bersendirian yang berbeza dengan amalan bersendirian yang dilakukan oleh masyarakat orang awam yang tidak memahami konsep bertarekat dalam ilmu tasawuf. Samada suluk, uzlah, *khalwah*, iktikaf dan *bertahanus*, amalan "menyendiri" ini diterima sebagai satu satunya syarat khusus untuk mereka memilih jalan mendekatkan diri kepada Allah. Maka dalam amalan suluk, hubungan seseorang hamba dengan Allah ini akan dinaiktaraf menjadi satu hubungan sempurna antara *khaliq* dan makhluk seperti mana yang pernah dinikmati di alam roh satu masa lalu (al-Ahzab, 33:41-42 & al-Muzammil 73:8).

Dalam al-Quran dikesan terdapat peristiwa yang dikaitkan dengan amalan bersuluk, *khalwah* atau beruzlah. Peristiwa tujuh pemuda Ashabul Kahfi yang melarikan diri dan berlindung di dalam gua. Mereka berlindung di dalam gua kerana ingin menyelamatkan diri dari masyarakat yang berniat untuk menzalimi kepercayaan dan diri pemuda tersebut. Setelah berzikir dan berdoa di dalam gua tersebut, ketujuh tujuh pemuda tersebut telah ditidurkan oleh Allah selama 300 tahun, dan dibangkitkan semula untuk keluar dari gua dan bertemu dengan masyarakat yang hidup ratusan tahun selepasnya. *Khalwah* pemuda ini berhasil mendatangkan hidayah kepada penduduk yang hidup ratusan tahun selepas peristiwa tersebut.

Khalwah Nabi Musa bermula setelah baginda berjaya membawa keluar Bani Israel menyeberang laut merah. Apabila Allah mengarahkan Nabi Musa a.s untuk *khalwah* di Gunung Thursina selama 30 dan 10 hari, nabi Musa meninggalkan umatnya di bawah jagaan nabi Harun a.s. Setelah tamat tempoh beruzlah Nabi Musa (30 dan 10 hari), baginda memohon kepada Allah agar diberikan *makrifah* dapat melihat Allah dengan matanya sendiri. Maka Allah mengabulkannya dengan cara mengarahkan baginda Nabi untuk meluruskan pandangannya ke arah Bukit Thursina. Akibatnya Nabi Musa a.s telah *difana*'kan (pengsan/lemah) oleh Allah selama beberapa hari. Setelah Nabi Musa a.s pulih daripada *fana*'nya, beliau bertaubat memohon keampunan dari Allah atas segala dosanya yang telah lalu serta merasakan seolah oleh beliau pada saat itu baru sahaja mengucap dua kalimah syahadah (Sidek, 2024).

Kisah *khalwah* dari kalangan wanita boleh dilihat dari kisah bonda Nabi Isa a.s. Maryam binti Imran sejak dari usia awalnya merupakan anak yang telah dinazarkan oleh ibunya agar menjadi orang yang akan beribadah kepada Allah. Beliau telah diserahkan kepada bapa saudaranya Nabi Zakaria untuk diasuh untuk menjadi ahli ibadah. Sepanjang dalam jagaannya, Maryam telah diletakkan dalam sebuah ruangan (bilik) yang tiada tingkap dan pintunya dan hanya boleh dimasuki dari atas bumbung (Najaa, 2024). Tujuan Nabi Zakaria menempatkannya di ruangan tertutup ini agar beliau dapat menyempurnakan nazar bonda Maryam yang mahu anaknya untuk menjadi seorang yang taat dalam beribadah kepada Allah. *Karamah* yang Allah berikan kepada Maryam terlihat ketika Nabi Zakaria membuka pintu di atas biliknya untuk menghantar makanan. Maka setiap kali Nabi Zakaria menziarahinya sambil membawa makanan, pada saat itulah, beliau akan melihat di sisi Maryam, makanan sentiasa berada disebelahnya.

Rasulullah SAW berada ketika di kota Mekah, Baginda berseorangan dalam ibadah dan dakwah. Mekah pada ketika itu dikuasai sepenuhnya oleh komuniti *jahiliyyah* tidak menerima dan menyambut dakwah baginda dengan hati terbuka. Secara fiziknya baginda hanya ditemani oleh keluarga bapa saudaranya Abu Talib dan isterinya Saidatina Khadijah r.a. Pada era ini, Baginda memilih untuk *khalwah* dalam Gua Hira selama beberapa malam. Sebelum Rasulullah saw menerima wahyu yang dibawa oleh malaikat Jibril, Rasulullah berzikir dan bertafakur tanpa henti di dalam gua Hira' (Ibn Abi Hamzah, 1968). *Khalwah* ketika ini merupakan fasa yang penting kerana ia menjadikan hati Rasulullah tenang dan bersedia untuk menerima jawatan kerasulan pada ketika umur baginda 40 tahun.

Setelah beberapa lama, ketika umat Islam sudah semakin ramai dan syiar terus berkembang di beberapa wilayah baru, amalan *khalwah* yang pernah diamalkan itu Rasulullah terus bertahan. Kali ini Baginda Rasulullah saw *khalwah* di dalam *khaiba'* (khemah) yang dipasang di dalam masjid Nabawi selama 10 hari dalam bulan Ramadhan pada setiap tahun (Najaa, 2024). Manakala pada tahun terakhir sebelum kewafatannya, Rasulullah saw diriwayatkan *khalwah* selama 20 hari. Penamaan amalan khusus Baginda dalam bulan Ramadhan ini menurut ulama tasawuf dikenali sebagai *khalwah*, manakala ulama fiqh dalam kalangan pelbagai mazhab khususnya mazhab Syafie menamakannya sebagai amalan iktikaf dalam masjid. Perbezaan terminologi ini telah menyebabkan terjadinya perbezaan hukum dan amalan dalam iktikaf.

Amalan Zikir Menurut Tarekat Naqshabandiah Khalidiah

Amalan zikir merupakan satu amalan terawal diamalkan oleh Rasulullah dan para sahabat khususnya ketika mereka masih berada di Kota Mekah. Sebagai sebuah kota yang masih dikuasai oleh penduduk Arab Quraisy *jahiliyah*, umat Islam pada ketika itu selain tidak ramai, mereka tidak mendapat sebarang pensyariatan lain untuk beramal ibadah. Setelah Rasulullah saw berhijrah ke Madinah, barulah beberapa syariat diturunkan untuk diamalkan secara meluas oleh kaum Muslimin. Namun amalan zikir terus diamalkan tanpa hentinya oleh semua sahabat, sehingga muncul sekelompok sahabat Rasulullah saw yang terkenal dengan amalan zikir berterusan mereka di masjid, dan mereka dikenali sebagai Ahluss Suffah. Manakala ayat-ayat seruan untuk berzikir terus diturunkan oleh Allah dan ianya terus dijadikan panduan untuk Islam beramal.

Menurut Sheikh Abdul Samad Palimbani dalam kitabnya *Siyar al-Salikin*, amalan zikir ini terbahagi kepada dua. Pertama dinamakan sebagai zikir *hasanat*. Kedua zikir *maqam* atau disebut juga dengan zikir *darajat*. Kedua dua jenis zikir ini telah diamalkan oleh umat Islam secara berasingan dari segi tempat dan masa. Kategori zikir ini dijelaskan dengan tujuan bahawa amalan-amalan zikir ini memberikan kesan khusus dalam jiwa dan perasaan yang bersungguh-

sebenarnya mengamalkannya, oleh itu amalan zikir ini dijadikan sebagai amalan khusus dalam mazhab tasawuf yang dikenali sebagai tarekat. Dengan amalan zikir ni, tarekat terus berkembang menjadi sebuah aliran mazhab dalam amalan yang bertujuan untuk meningkatkan keimanan ke tahap yakin dan mencapai *makrifatullah*. Peringkat ini merupakan *maqam* yang disebut oleh Rasulullah saw sebagai Ehsan (Badarudin, 2024). Amalan zikir darjat ini mencantumkan semua kaifiat zikir yang terdapat dalam al-Quran dan Sunnah agar dijadikan satu amalan ahli tasawuf dalam kehidupan mereka.

Zikir merupakan satu-satunya amalan utama yang telah dijadikan amalan para ahli tasawuf. Semua tarekat menjadikan zikir tahlil dan *ismu dzat* sebagai amalan zikir mereka. Amalan zikir ini juga telah dijadikan amalan oleh tarekat Naqshabandiah Khalidiah hingga ke hari ini. Satu hadis bertaraf Hadis Qudsi yang menjelaskan keutamaan zikir *Nafi Ishbat* ini adalah berdasarkan kisah Nabi Musa a.s yang memohon Allah agar mengajarnya satu zikir yang boleh mendekatkan dirinya kepada Allah. Allah SWT telah mengajarkannya akan satu zikir yang mana sekiranya beliau meletakkan zikir ini di atas dacing timbangan, nescaya zikir ni lebih berat berbanding segala isi bumi yang aku ciptakan. Satu hadis yang diriwayatkan dalam Sahih Ibn Hibban, no 6210 dan al-Hakim dalam Mustadrak, no 528 dan Albani dalam Silsilah Sahih, no 1349 :

قَالَ مُوسَى: يَا رَبِّ، عَلِّمْنِي شَيْئًا أَذْكُرُكَ وَأَدْعُوكَ بِهِ
قَالَ: يَا مُوسَى، قُلْ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ قَالَ: يَا رَبِّ، كُلُّ عِبَادِكَ يَقُولُونَ هَذَا
قَالَ: يَا مُوسَى، لَوْ أَنَّ السَّمَاوَاتِ السَّبْعَ، وَالْعَمْرَانَ غَيْرِ
ي، وَالْأَرْضَيْنِ السَّبْعَ، فِي كِفَّةٍ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ فِي كِفَّةٍ، مَالَتْ بِهِنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Nabi Musa a.s. berkata: “Wahai Tuhanku, ajarkanlah kepadaku suatu zikir yang dengannya aku dapat mengingat dan berdoa kepada-Mu.” Allah berfirman: “Wahai Musa, ucapkanlah: *Lā ilāha illā Allāh* (Tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah).” Musa berkata: “Wahai Tuhanku, semua hamba-Mu mengucapkan kalimah itu.” Lalu Allah berfirman: “Wahai Musa, seandainya langit yang tujuh, selain Aku dan penduduknya, serta bumi-bumi yang tujuh, diletakkan di satu timbangan, dan kalimah *Lā ilāha illā Allāh* diletakkan di timbangan yang satu lagi, nescaya kalimah *Lā ilāha illā Allāh* akan lebih berat.”

Hadis di atas mengingatkan kita bahawa Nabi Musa a.s meninggalkan Bani Israel untuk diletakkan di bawah jagaan Nabi Harun a.s. agar baginda dapat berzikir dalam *khalwah* selama 40 hari di Gunung Thursina. Setelah genap 40 hari, Allah berikan *makrifatullah* kepada Nabi Musa dengan *rabithah* melihat sebuah bukit yang menyebabkan Nabi Musa a.s *fana* beberapa hari. Begitu juga dengan hadis dari sahabat Nabi iaitu Jabir “*Seafdhal afdhal zikir ialah “Laa Ilaha Ila Allah” dan seafdhal apa yang aku katakan dan para Nabi sebelumku ialah kalimah “Laa Ilaha Ila Allah”* (al-Tirmidzi, al-Nassai dan al-Hakim).

Selain daripada kalimah zikir *Nafi Isbat*, tarekat juga mengamalkan zikir *Ismu Dzat* iaitu dengan menyebut kalimah “Allah”. Menurut Sheikh Dr Jahid Sidek al-Khalidi, ada juga dalam kalangan sahabat berzikir secara *jahar* dan secara *sir*. Keterangan mengenai zikir *Ismu Dzat* ini disampaikan menerusi penerangan dan amalan oleh semua para *masyaikh* tarekat termasuk tarekat Naqshabandiah Khalidiah. Saidina Abu Bakar r.a merupakan sahabat yang dikenal sebagai pengamal zikir ini. Amalan zikir beliau dilakukan secara *sir* pada setiap malam seperti mana yang disebutkan oleh anaknya perempuan yang bernama Asma ketika beliau ditanya akan apa amalan ayahnya pada setiap malam.

Manakala zikir secara *jahar* pada zaman awal kedatangan Islam ketika sahabat masih berada di kota Mekah. Musyrikin Mekah yang sempat mendengar zikir secara *jahar* ini telah memberikan gelaran buruk kepada sahabat seperti “orang gila”, dirasuki roh jahat dan berbagai lagi. Ini kerana amalan tersebut mereka tidak pernah lihat selain mereka sendiri tidak faham akan maksudnya. Setelah Rasulullah saw dan sahabat berhijrah ke Madinah, amalan zikir ini terus diamalkan oleh semua sahabat. Amalan zikir ini akan dipertingkatkan lagi oleh Baginda Rasulullah pada setiap 10 malam terakhir di bulan Ramadhan sepanjang hayat baginda. Ia turut diamalkan oleh semua sahabat pada masa yang sama sebagai satu amalan berterusan para sahabat terutamanya sahabat utama seperti Saidina Abu Bakar r.a.

Dalam amalan zikir *Ismu Dzat* yang diamalkan dalam tarekat Naqshabandiah Khalidiah adalah dengan adanya kaifiat sebelum memulakan amalan zikir *maqam* secara harian ataupun seminggu sekali dalam majlis *tawajjuh*. Menurut Dr Syed Hadzrullatfhi Syed Omar, tokoh sufi yang pernah menyusun kaifiat zikir tarekat Naqshabandiah Khalidiah adalah Sheikh Sulaiman Zuhdi dan Sheikh Muhammad Amin al-Kurdi dalam bukunya *Risalah al-Adab Dzikir li al-Muridin*. (Hadzrullathfi, 2016)

Antara tujuan utama penyusunan kaifiat zikir bagi amalan ahli sufi terutama mereka yang sentiasa mengikuti majlis *tawajjuh* adalah untuk membangun adab kepada Allah sepanjang masa. Manakala tujuan lain yang penulis turut rasakan sendiri adalah untuk mendisiplin ahli sufi dengan persiapan diri sebelum melakukan ibadah zikir. Agar tujuan kajian ini lebih mudah sampai kepada pembaca, penulis membawakan susunan kaifiat zikir yang telah disediakan sendiri oleh mursyid tarekat yang ke 37 tarekat Naqshabandiah Khalidiah di Malaysia. Kaifiat inilah yang telah diamalkan selama puluhan tahun oleh ribuan ahlus sufi dari tarekat Naqshabandiah Khalidiah.

Bahagian Satu:

1. Istighdar 25x
2. Al-Fatihah 1x
3. Surah al-Ikhlash 2x
4. Meniatkan di hati agar Allah sampaikan pahala bacaan al-Fatihah dan surah al-Ikhlash ini kepada Rasulullah SAW dan semua para Sheikh dalam *silsilah* Naqshabandiah

Bahagian Dua: Berdoa 5 Perkara

1. Ya Allah hampirkan diriku kepada-Mu sehampir hampirnya
2. Ya Allah hidayahkan aku jalan agama-Mu yang benar
3. Ya Allah bukakan pelbagai hijab hati, hijab roh dan *sirku* diriku
4. Ya Allah limpahkanlah rahmat dan nikmat-Mu zahir dan batin sebanyak-banyaknya kepadaku
5. Ya Allah jadikanlah hatiku sentiasa ingat akan dikau.

Bahagian Ketiga: Rabithah Mati dan Alam Kubur

1. Ya Allah aku ini sudah mati. Inilah mayatku terbujur di depanku
2. Ya Allah orang ramai memandikan mayatku
3. Ya Allah mayatku sekarang dikafankan
4. Ya Allah mayatku yang berkafan ini disolatkan oleh orang ramai
5. Ya Allah mayatku sekarang di usung ke kuburan
6. Ya Allah mayatku dimasukkan dalam liang lahad
7. Ya Allah mayatku menjadi tanah

Bahagian Keempat: Rabithah Padang Mahsyar

1. Ya Allah kiamat telah berlaku. Engkau telah kumpulkan aku di Padang Mahsyar dalam keadaan penuh dosa
2. Ampunkan semua dosaku, dosa kecil dan besar, dosa zahir dan batin, dosa yang aku sengaja dan tidak aku sengaja, dosa yang aku tahu dan tidak aku tahu

Bahagian Kelima: Mohon Syafaat dan Keberkatan

1. Ya Allah aku mohon kepadamu akan syafaat Nabi Muhammad SAW dan syafaat semua nabi dan rasul
2. Ya Allah aku minta keberkatan para Sheikh dalam *silsilah* tarekat Naqshabandiah dan juga keberkatan para Sheikh dalam tarekat-tarekat yang lain.

Kemudian setelah selesai melepasi kaifiat di atas, hendaklah *salik* bermunajat dengan hati, iaitu dengan berkata : *اللهي انت مقصودي ورضاك مطلوبي* dan diulang sebanyak 3x. Tujuan munajat ini agar supaya kuat ingatan hati kita kepada Allah Taala. Setelah hadir ingatan hati kepada Allah, maka katupkanlah bibir dan hamparkan lidah ke langit-langit. Maka sebutlah dengan hati lafaz *ismu dzat* *الله الله الله* dengan sebutan yang banyak, cepat dan pantas serta hadirkan ingatan hati akan adanya *dzat* yang mutlak yang *wajib al wujud* yang terkaya daripada yang lainnya dan berhajat kepada-Nya oleh yang lain yang bernama Allah yang *ليس كمثله شيء* (tiada seumpama *dzat* Allah taala oleh sesuatu juapun).

Adapun tempat berzikir itu iaitu di hati sanubari. Maka zikirnya di dalam sehari ialah lima ribu (5000) sehari semalam. Maka apabila selesai, akhiri dengan kalimah *رب العالمين*. Maka selain daripada ini, lazimkanlah hati *zikrullah* seperti firman Allah Taala dalam surah Ali Imran ayat 190-191 yang bermaksud “*Ingatlah olehmu akan Allah Taala ketika kamu berdiri, duduk dan berbaring pada setiap masa dan detik dan dimana mana sahaja kamu berada.*”

Suluk Menurut Tarekat Naqshabandiyyah Kholidiyah

Bilangan mazhab tasawuf yang pernah muncul dan berkembang dalam masyarakat Islam di seluruh dunia agak banyak bilangannya. Menurut perkiraan, bilangannya mencapai puluhan tarekat. Namun yang masih dibimbing oleh mursyid, ahli yang beramal serta amalan *tawajjuh*nya hingga hari ini sudah semakin berkurangan. Bilangan tarekat yang konsisten mengamalkan amalan suluk kepada para ahlinya akan mengurangkan lagi jumlahnya menjadi lebih sedikit. Diperkirakan tarekat yang masih menganjurkan ibadah bersuluk dalam tarekatnya hanya sekitar dua sahaja, iaitu tarekat Naqshabandiah Khalidiah dan tarekat Shadziliyyah. (Sidek, 2024)

Masyarakat Islam yang mendiami wilayah Asia Tenggara seperti Malaysia dan Indonesia masih berpeluang mendalami ilmu tasawuf dengan menyertai suluk dari kedua-dua tarekat tersebut. Hanya sahaja, di antara dua tarekat tersebut yang paling aktif menjalankan kewajipan suluk kepada ahlinya di Malaysia hanyalah tarekat Naqshabandiah Khalidiah (Sidek, 2024). Bagi mereka yang sudah lama berada dalam radar tasawuf dan mengamalkan *tawajjuh* setiap minggu, kenyataan ini sudah pun ramai yang menyedarinya. Dalam kepimpinan mursyid Sheikh Dr Jahid Sidek al-Khalidi, bilangan ibadah suluk tarekat Naqshabandiah Khalidiah telah berjaya dilaksanakan dalam negara ini sudah melepasi 82 kali.

Anggapan masyarakat terhadap ibadah suluk ini terbahagi dua, namun yang dianggap dominan dan ramai adalah mereka yang menganggap ibadah suluk ini hanyalah ibadah sunat dan bukan wajib. Namun tidak kurang juga yang beranggapan, suluk ini merupakan amalan khurafat,

bidaah serta tidak pernah dicontohkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat. Hanya segelintir sahaja mereka yang menganggap suluk ini bukan sunat, akan tetap wajib *musabbab*. Tanpa ibadah suluk, iman tidak akan berjaya ditingkatkan ke *maqam yaqin*. *Maqam yakin* inilah yang diharapkan, agar umat Islam mencapai *maqam ehsan* seperti mana yang pernah disebut oleh Rasulullah dalam hadis Jibril. Tanpa zikir, kenikmatan beribadah tidak akan dirasakan dan pegangan akidah pula tidak akan sempurna selama lamanya (Sidek, 2024).

Ketika bersuluk, para *salik* diwajibkan menepati arahan dari mursyid tarekat. Antara arahan yang lebih dikenali sebagai adab bersuluk ini adalah berbaiah terlebih dahulu dengan Tuan Guru Mursyid, belajar dan mengamalkan kaifiat zikir *maqam* ketika hadir *tawajjuh* atau zikir sendirian di rumah sekurang-kurangnya 3 kali. Selain itu, seseorang yang ingin hadir suluk, perlu memperbanyak berdoa kepada Allah untuk membuka jalan kepadanya untuk hadir selama 10 hari tanpa henti. Seseorang yang memutuskan untuk hadir suluk juga agar sentiasa menjaga keadaan hati (tidak bermaksiat) sebelum dan juga ketika bersuluk. Semasa suluk sedang berjalan, beberapa adab lain perlu dihormati, seperti tidak dibenarkan berkomunikasi dengan sesiapa pun (termasuk ahli keluarga). Selain itu, adab makan/minum, adab berpakaian, adab tidur, adab ketika duduk dalam ruangan *tawajjuh*, adab berada dalam kelambu dan berbagai adab lainnya.

Dari sudut amalan ketika bersuluk, Sheikh Dr Jahid Sidek telah menggariskan beberapa panduan untuk direnung dan dihayati sebelum mereka memutuskan untuk hadir dalam ibadah suluk (Sidek, 2024). Dalam artikelnya yang berjudul “Uzur Jumaat Bagi Mereka Yang Bersuluk”, Sheikh Dr Jahid menggariskan beberapa panduan untuk menghadiri ibadah suluk. Berikut merupakan beberapa panduan yang digariskan oleh beliau:

Pertama:

Sentiasa berada dalam keadaan bertaubat dengan taubat yang dipimpin. Sheikh mursyid yang memimpin suluk akan sentiasa memantau taubat para *salik* yang hadir bersuluk. Hal ini berdasarkan kisah para sahabat yang sentiasa bertaubat semasa hidup Rasulullah SAW seperti yang terdapat dalam surah al-Nisa ayat 64. Amalan bertaubat antara amalan yang sukar untuk diselesaikan oleh *salik*. Disebabkan ada antara para salik ini merupakan pengamal ilmu hitam ahli sihir, pengamal ilmu seri muka dan berbagai-bagai latar belakang yang membimbangkan. Maka dalam tarekat Naqshabandiah Khalidiah, hijab maksiat atau *dzulman katsiran* mestilah dibersihkan dengan tepat dan betul. Cabaran terbesar untuk menyelesaikan hal ini apabila apabila *salik* pernah beramal dengan amalan yang menggunakan bantuan jin dan syaitan.

Kedua:

Sepanjang bersuluk, para *salik* mesti sentiasa menghabiskan waktu mereka dengan hanya berzikir tanpa hentinya. Sedikit sahaja masa yang digunakan untuk tidur, makan dan mandi. Ini kerana tumpuan zikir ini bertujuan untuk mengubah keadaan hati daripada lalai (*ghaflah*) kepada hidup (*yaqazah*). Menurut al-Quran terdapat lima jenis hati yang tidak akan berfungsi dengan baik untuk berzikir iaitu hati yang berpenyakit, hati yang keras, hati yang mati, hati yang buta dan hati yang lalai. Maka dengan zikir secara berterusan, akan menyebabkan keadaan hati berubah menjadi hati yang hidup bercahaya.

Dari sudut yang lain, berzikrullah tanpa henti sepanjang bersuluk ini bertujuan untuk meningkatkan ilmu dan kefahaman tauhid iaitu dari peringkat mengenal Allah secara *sama'i* kepada mengenal Allah secara *dzauqi*. Oleh itu, seseorang yang berzikir dalam suluk dengan menyebut Allah, Allah dalam hati, fikiranya mesti memikirkan-memikirkan dan merasa rasa wujudnya

dzat Allah yang *wajib al-wujud*. Bila zikir seperti ini berjaya dilakukan oleh para *salik*, maka Allah akan *waridkan* ke dalam hatinya dengan Nur hidayah-Nya. Apabila Nur itu sampai ke hati, maka hati akan merasakan wujudnya zat Allah SWT yang sebenar.

Ketiga:

Menunaikan solat fardu secara berjemaah dalam tempoh 10 hari tanpa gagal. Ini bermakna, para *salik* akan dapat menunaikan solat fardu secara berjemaah sebanyak 50 waktu solat. Sedangkan solat berjemaah sebanyak 50 waktu di luar suluk merupakan sesuatu hal yang hampir mustahil untuk ditunaikan. Di samping itu, para *salik* juga diarahkan untuk memperbanyakkan solat taubat dan solat hajat.

Keempat:

Berselawat ke atas Nabi SAW secara beramai-ramai selepas selesai memberi salam dan doa dalam solat fardu lima waktu. Berzikir secara berjemaah dalam *halaqah* selepas solat Subuh, Zohor, Asar dan Isyak.

Kelima:

Sesi rawatan dan pengubatan *al-Manarah*. Merupakan satu perkara biasa ketika suluk sedang berjalan, sekumpulan ahli tarekat yang telah di latih oleh mursyid untuk merawat *salik* yang menghadapi berbagai penyakit rohani dan jasmani.

Keenam:

Sesi kaunseling dan bimbingan. Biasanya setiap *salik* yang hadir bersuluk akan bertemu dengan Sheikh bagi melaporkan perkembangan dirinya yang telah berzikir sepanjang masa. *Salik* juga boleh mengadukan apa jua masalah dan rintangan yang ia hadapi ketika berzikir agar ia dapat keluar dari masalah yang beliau hadapi.

Ketujuh:

Kawalan makan dan minum dengan tujuan untuk membantu *salik* supaya tujuan bersuluk dapat dicapai. Kebanyakan masalah yang dihadapi oleh para *salik* ketika makan dan minum ketika bersuluk adalah makanan yang disediakan amat ringkas dan murah. Tradisi asal makan ketika bersuluk adalah tidak memakan makanan yang berdarah seperti haiwan, ikan dan sebagainya. Namun hal itu telah diubah dalam *ijtihad* oleh Sheikh tarekat Naqshabandi dengan menghukumnya sebagai harus untuk dimakan ketika suluk. Malah ketika khatam, Tuan Guru membenarkan para *salik* untuk makan makanan dari haiwan yang dikorbankan seperti lembu dan kambing.

Kelapan:

Kawalan tidur dan berehat. Para *salik* dibenarkan tidur dan berehat dalam waktu yang singkat sahaja. Tidur dan rehat berlebihan diyakini akan menjadikan *salik* tidak berjaya berzikir dalam jumlah yang banyak

Kesembilan:

Penjagaan adab dan tingkah laku yang amat ketat. Antara yang terkenal adalah, para *salik* tidak boleh berkomunikasi dengan sesiapa pun sepanjang bersuluk. Ketika berjalan, para *salik* dikehendaki untuk sentiasa menundukkan pandangan ke bawah dan tidak boleh menoleh ke kanan dan ke kiri tanpa tujuan. Kepala sentiasa bertutup dengan kopiah dan tudung serta tidak dibenarkan duduk dalam surau suluk sambil kaki melunjur.

Kesepuluh:

Para *salik* perlu sentiasa ingat bahawa dirinya adalah musafir, dan mereka bukanlah penduduk tempatan dan bermukim di kawasan suluk. Manakala amalan zikir dalam suluk tarekat Naqshabandiah Khalidiah adalah zikir *Ismu Dzat*. Pengamalan zikir ini akan diajarkan terlebih dahulu sebaiknya sahaja seseorang itu selesai berbaiah kerana teknik/kaifiat zikir tarekat Naqshabandiah Khalidiah ini tidak diamalkan oleh orang awam. Seseorang *salik* yang hadir dalam suluk akan berzikir tanpa henti sepanjang 10 hari bersuluk. Bagi seorang *salik* yang baru kali pertama hadir untuk melaksanakan ibadah suluk, mereka disyaratkan untuk melepasi 7 *maqam* zikir yang khusus dalam tempoh 10 hari bersuluk, iaitu;

NO	MAQAM	KETERANGAN	BILANGAN ZIKIR
1	<i>Lataif Qalbi</i>	Titik <i>maqam</i> berada dua jari bawah susu	Harian 5000 sehari semalam. Suluk 10000 sehari semalam
2	<i>Lataif Ruh</i>	2 jari di bawah susu kanan	Harian 1000 sehari semalam. Jumlah 6000. Dalam suluk 12000 sehari semalam.
3	<i>Lataif Sirr</i>	2 jari di atas susu kiri	Harian 1000 sehari semalam. Jumlah 7000. Dalam suluk 14000 sehari semalam
4	<i>Lataif Khafiy</i>	2 jari di atas susu kanan	Harian 1000 sehari semalam. Jumlah 8000. Dalam suluk 16000 sehari semalam
5	<i>Lataif Akhfa</i>	Titiknya berada di tengah2 antara latifah <i>sir</i> dan latifah <i>akhfa</i>	Harian 1000 sehari semalam. Jumlah 9000. Dalam suluk 18000 sehari semalam
6	<i>Lataif Nafs</i>	Titiknya berada di tengah dahi kepala	Harian 1000 sehari semalam. Jumlah 10000 sehari semalam. Dalam suluk menjadi 20000.
7	<i>Lataif Kulli Jasad/ Sultonul Zikr</i>	Titik ini bermula dari ubun2 meliputi sekalian tubuh samada zahir dan batin, meliputi sekalian kulit, daging, urat saraf, darah, tulang, nafas sekalian bulu roma dan rambut.	Harian 1000 sehari semalam. Jumlah 11000. Dalam suluk zikirnya menjadi 22000.
	JUMLAH		Harian 17000, dalam suluk 22000

Rajah 1

Jumlah zikir yang dinyatakan dalam jadual ini merupakan penetapan jumlah zikir yang paling minimum yang perlu dicapai oleh para *salik*. Namun begitu, dalam ibadah suluk yang penulis hadiri, jumlah yang biasanya dikehendaki untuk dicapai oleh para *salik* adalah 400 hingga 500 ribu bagi zikir *ismu dzat*. Bagi setiap *lataif*, *salik* akan dipanggil untuk melaporkan kepada

wakil guru akan keadaan dirinya pada setiap *lataif* yang mereka jalani dengan ibadah zikir yang banyak. Jika laporan yang diberikan itu, sesuai dengan pengalaman dan ilmu zikir tarekat, maka *salik* ini akan dibenarkan untuk mengamalkan zikir *maqam* pada peringkat yang seterusnya. Semua arahan pelaksanaan zikir dalam setiap *lataif* ini merupakan ketetapan oleh guru mursyid yang tidak boleh dilanggar oleh ahli sufi. Ini disebabkan arahan mursyid dalam suluk merupakan ketetapan yang perlu dipatuhi oleh setiap *salik* yang hadir dalam suluk terutamanya mereka yang baru kali pertama hadir dalam suluk.

Setelah selesai melepasi *maqam* zikir *ismu dzat* dalam tempoh tertentu, para *salik* akan diajarkan untuk mengamalkan zikir tahlil lisan. Tahlil lisan ini adalah zikir *nafi isbat* yang dibacakan apabila selesai mengenapkan 17 ribu zikir *ismu dzat* pada majlis *tawajjuh* selepas solat fardu. Zikir ini akan menjadikan seseorang *salik* untuk menghayati *wuquf qalbi*, *muroqabah ahadiyah* dan *muroqabah ma'iyah*. Tahlil lisan ini juga akan disiapkan oleh seseorang *salik* dalam tempoh 10 hari setelah selesainya 10 hari bersuluk. Antara syarat yang diajarkan oleh mursyid bagi melaksanakan tugas ini adalah:

1. Hendaklah berzikir seperti yang diajarkan dalam kaifiat, mengisi ketujuh tujuh *lathaif* dari *lathaif qalbi* hingga ke *lathaif kulli jasad*.
2. Menghayati *wuquf qalbi*, *muroqabah ahadiyah*, dan *muroqabah ma'iyah*. Kemudian barulah melaksanakan tahlil lisan.

Manakala kaidah untuk menjalankan tahlil lisan ini adalah, dimulakan dengan mengisi tiga *lathaif* (*qalbi*, *sirr* dan *akhfa*) dengan bacaan لا , lalu pada *lathaif khafi* hingga ke *lathaif ru*, *salik* mengisinya dengan kalimah لا اله الا الله . Dari *lathaif ruh* kembali ke *lathaif qalbi* mengisinya dengan kalimah لا اله الا الله . Kemudian, disudahi dengan sebutan “hu” yang panjang dan ditongkatkan lidah ke langit-langit. Ketika menyebut lafaz kalimah لا اله الا الله dibawa makud لا اله الا الله .

Jumlah bahagian tahlil lisan yang perlu diselesaikan oleh seseorang *salik* ada 4 bahagian: 1. Diri sendiri, 2. Ibu, 3. Bapa 4. Guru mursyid. Setiap satu bahagian berjumlah tujuh puluh ribu (70000) tahlil lisan. Sebutan dan cara zikirnya sekadar suara yang hanya didengar oleh telinga sendiri. Ketika menyebutnya hendaklah dipandang akan garisan perjalanan kalimah seperti mana yang telah diterangkan ketika hadir dalam suluk. Manakala cara penyerahannya pula setelah disiapkan keempat-empat bahagian itu, maka serahkan dahulu satu bahagian tahlil yang telah diniatkan kepada guru mursyid terlebih dahulu dan kemudian baru serahkan kepada ibu bapa masing-masing.

Lafaz penyerahan yang perlu dibacakan ketika menyerahkan tahlil kepada guru mursyid adalah dengan sebutan: Guru/Tuan, saya minta izin untuk menyerahkan satu bahagian tahlil kepada tuan berjumlah 70000. Sekiranya ibu bapa masih hidup, maka serahkan bahagian tahlil tersebut kepada mereka berdua setelah selesai penyerahan kepada guru dengan menggunakan lafaz dialog yang sama. Setelah selesai penyerahan tahlil lisan ini kepada guru mursyid, seseorang *salik* dianggap sudah selesai dengan amanah suluk yang dibawanya. Dan mereka diminta untuk terus istiqamah mengamalkan zikir *maqam* yang mereka pelajari dalam suluk ini dalam kehidupan seharian mereka.

Kesimpulan

Pada zaman yang serba moden dan canggih, apabila segala keperluan material manusia diperolehi dengan menggunakan kebendaan juga. Kehidupan yang dipenuhi kecanggihan teknologi dan sains ini sudah semakin sebat dengan seluruh jiwa raga manusia. Keadaan ini mengundang implikasi baru yang belum pernah manusia temui dan rasai dalam kehidupan

mereka. Implikasi ini akan menyukarkan lagi perjalanan hidup manusia untuk mendekati Allah di atas muka bumi dan bertemu Allah di akhirat nanti dalam keadaan sempurna fitrah kejadian asal mereka sebelum diturunkan ke bumi.

Dunia kini menyaksikan dengan jelas akan suasana ketegangan, permusuhan, perkelahian, pertempuran, peperangan dan pembunuhan sudah berlaku berulang kali di depan mata semua manusia samada langsung atau dari berita. Ia berkait rapat dengan data jumlah pesakit mental/jiwa semakin bertambah setiap tahun tanpa mengambil kira faktor umur dan taraf hidup. Sakit mental yang kini dianggap sebagai pemusnah terhadap kehidupan *mutma'innah* dan *sakinah* dalam semua skop dan lingkungan manusia. Sakit mental juga mampu memadam segala cita-cita umat manusia untuk membina masa depan bertamadun dan berperadaban.

Salah satu kemudahan yang Allah sediakan kepada manusia untuk kembali ke Allah dalam keadaan jiwa yang *mutmain'nah* adalah dengan mempelajari ilmu tasawuf dan beramal dalam salah satu tarekat sufi. Manakala suluk pula “institusi pendidikan” yang membimbing ahli tarekat untuk berzikir dengan syarat dan kaifiatnya. Sehingga seseorang itu mendapat anugerah *makrifah* serta menyempurnakan hidup dengan jiwa sempurna sebagai makhluk yang sentiasa ingat dan taat kepada Allah semata-mata sampai bila-bila. Ia sekali gus membenarkan dakwaan Islam merupakan agama penyelamat kepada di akhir zaman, manakala keselamatan terakhir yang manusia mampu miliki sebelum akhir hayatnya adalah jiwa yang tenang, dan jiwa tenang itu hanya akan diperolehi dengan *zikirrullah*.

Oleh itu, terlalu besar kerugiannya kepada umat, sekiranya panduan yang tersedia dalam ilmu tasawuf dan tarekat ini tidak dimanfaatkan oleh kaum muslimin sejagat. Ketika umat manusia sudah di penghujung usia dan mereka belum menikmati zikrullah sebagaimana yang pernah di nikmati oleh para nabinya, Rasulullah SAW serta para sahabat. Moga kerugian itu tidak menjadi kenyataan dan terselamat umat di akhir zaman ini.

Rujukan

- Al-Bukhari, M. I. (1987). *Al-Jami' al-Sahih al-Mukhtasar* (Vol. 1, 3rd ed., p. 4). Dar Ibn Kathir.
- Al-Jurjani, 'A. I. M. (1983). *Kitab al-Ta'rifat* (p. 136). Dar al-Kitab al-Ilmiyah.
- Al-Kurdi, M. A. (2017). *Membentuk jiwa sufi: Ajaran Tarekat Naqshabandiyah* (Dr. H. J. Sidek, Trans.). Al-Falah Publication Sdn. Bhd. (Original work published as *Tanwīr al-Qulūb fī Mu'āmalat 'Allām al-Ghuyūb* in Arabic).
- Al-Merbawi, & Yeoh, M. S. A. M. (2012). Tarekat Naqshabandiah Khalidiah in Malaysia. *MIQOT: Jurnal Ilmu-ilmu Keislaman*, 36(2).
- Badarudin, F. (2024). Al-Ihsan. *Majalah Al-Tariq*, (27). Jabatan Mufti Negeri Sembilan.
- Bruinessan, M.V. (1994). *Tarekat Nasyabandiah di Indonesia, Survey Historis, Geografis dan Sosiologis*. Penerbit Mizan.
- Bowering, G. (2006). Najm al-Dīn Kubrā on Sufi seclusion (Khalwa) [Translation and edited treatise of *Risāla fī al-Khalwah*]. *Al-Abhath*, 54, 7–34.
- Hamid, A. (2022). *Adab sebelum suluk Tarekat Naqshabandiyyah mengikut Sheikh Abdul Wahab Rokan*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Hadzrullathfi, S. O. (2016). *Zikir Allah Allah Allah jalan menuju hakikat dan ma'rifatullah*. Al-Falah Publication.
- Ibn 'Ajibah, A. M. (2001). *Iqāz al-himam fī sharḥ al-ḥikam* (K. al-Manṣūr, Ed.). Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Abi Hamzah. (1968). *Mukhtasar Ibn Abi Hamzah min Sahih Imam Bukhari* (M. A. R. Ibn Rawi, Trans.). The United Press.
- Mohamed, A. H. (2010). *Kunci memahami tasawuf*. Thinkers Library.
- Said, H. A. F. (1976). *Sejarah Sheikh Abdul Wahab Rokan al-Khalidi Naqshabandi: Tuan Guru Babussalam*. [Publisher not stated].
- Said, H. A. F. (n.d.). *Adab bersuluk: Amalan Tariqah Naqshabandiah & wasiat Tuan Guru Sheikh Abdul Wahab Rokan al-Khalidi an-Naqshabandi*. Pustaka Babussalam, Sidatul Muntahan Ent.
- Sidek, J. al-Khalidi. (2018). SOP orang yang bersuluk. Dalam *Koleksi Kertas Kerja Tarekat dan Tasawuf* (Vol. 1).
- Sidek, J. al-Khalidi. (2018). Uzur Jumaat bagi orang yang bersuluk. Dalam *Koleksi Kertas Kerja Tarekat dan Tasawuf* (Vol. 2, Kertas Kerja ke-43).
- Sidek, J. al-Khalidi. (2023). Hikmah amalan bersuluk, siri kedua: Kedudukan & kepentingan suluk. *Al-Tariq* (27). Jabatan Mufti Negeri Sembilan.